

# BAHASA MELAYU

## KAYA DAN LUAS

“Bahasa Melayu Kaya dan Luas” demikian tajuk Tuan

‘Abdul Hamid Parit, yang akan kita siarkan berturut-turut dalam beberapa bilangan majalah ini. A. ‘Abdul Ḥamīd (bekas guru pelawat), memang tidak asing dalam dunia persuratan Melayu kerana karangannya telah banyak tersiar di antara “Kamus Bahasa Sanskrit” sebuah buku yang pertama-tama dikeluarkan di Malaya dalam lapangan ini – Pengarang Qalam.

(Oleh ‘Abdul Ḥamīd, Parit)

Makin sehari semakin ramai orang-orang memperkatakan bahasa Melayu, itulah tanda bahasa yang berdaulat dan itulah alamat kesedaran tuan punya bahasa itu. Harapan supaya bahasa Melayu dirasmikan atau dibentuk jadi bahasa pemerintah bertambah-tambah diperkatakan dari segala peringkat seja sekata dengan sederap tumbuhan pada tiap-tiap negeri kerana telah diyakini dengan tahkik “bahasa itu nyawa bangsa” hapus bahasa matilah bangsa.

Selagi ada bangsa mesti ada bahasa: sebagaimana ada sebutan laut tentulah ada arusnya. Bahasa adalah jiwa bangsa, jiwa itu hidup lagi kekal selama-lamanya. Sekali-kali tiada sesiapa boleh membinasakannya, ia tajalli bersama-sama bangsanya. Mari bersama-sama kita menilik sejarah besar: bahasa Sanskrit hidup subur menjalar dari tanah besar India hingga sampai ke tenggara Asia. Bahasa Latin demikian jua dipandang tinggi lagi berharga oleh ahli-ahli politik dan ahli perubatan. Dalilnya bahasa yang pertama dan yang kedua itu bermutu sampai ke masa ini ditunjukkan oleh buku kesusasteraan dan Encyclopedia: jagatkatan kedua

bangsa itu pun hidup bersama-sama sampai ke masa ini di dalam makna sejarah. Sungguhpun tiada pernah disebut-sebut, hanya di dalam pandangan politik sahaja mati! Bahasa Melayu itu pun adalah bangsa tua: sekurang-kurangnya sama tua dengan Sang Nila Utama dan Demang Lebar Daun bahawa tidak syak wasangka sekali-kali semasa itulah jua tajalli bahasanya yang menjadi aliran hidupnya dan terus hidup.

Silalah kita mengalir pandangan pula ke arah batu bersurat di negeri Terengganu pada tahun M. 1303 bahasa Melayu telah berpahat di sana. Mengikut tarikh yang tersebut masuk ke zaman kita ini lamanya berjumlah 650 tahun. Bahasa Melayu bahasa persuratan. Sir Stamford Raffles seorang Inggeris sangat menjunjung tinggi bahasa Melayu akhirnya telah berjaya mengumpulkan beberapa banyak buku-buku atau kitab-kitab; tetapi malang tak berbau buku itu habis tenggelam semasa beliau hendak belayar ke England.

Seorang Perancis yang tiada kena mengena dengan bangsa Melayu ini pun, penulis biasa bertemu dengan sebuah karangan bangsa itu iaitu Kamus Bahasa Perancis dengan Bahasa

Melayu dicetak pada tahun M. 1880 nama pengarangnya

L'ABBE P. FAVRE.

Seandainya zaman tuan Raffles dan zaman terkarangnya “Kamus Bahasa Perancis dengan Bahasa Melayu” itu hampir dengan zaman kita ini baharu ada persuratan Melayu yang tiada boleh menjadi dalil akan tuanya bahasa Melayu. Di bawah ini dibentangkan 20 buah buku (kitab) yang sedia tersalin ke bahasa Melayu:

(1) Tahun M. 1600 Hikayat Seri Rama, Hikayat

Bayan Budiman

(2) “ “ 1603 kitab Tāj al-Salāṭīn.

(3) “ “ 1612 Sejarah Melayu.

(4) “ “ 1634 kitab Şirāṭ al-Mustaḳīm.

(5) “ “ 1638 Hikayat Iskandar Dhu al-Qarnayn.

(6) “ “ 1736 Hikayat Kalila dan Damina, Hikayat

Bakhtiar, Hikayat Ghulam, Hikayat

Pelanduk Jenaka, Hikayat Asma Yatim,

Hikayat Indera Putera, Hikayat

Jauhar Manikam, Hikayat Jaya Langkara,

Hikayat Kobad Lela Indera, Hikayat Nur

Muhammad, Hikayat Nabi Yusuf,

Hikayat Amirul Mukminin Umar dan

Hikayat Indera Sakti.

### Bahasa Melayu dengan Dunia Luar

Sungguhpun buku-buku yang tersebut itu agaknya pada tarikh yang di atas belum lagi dikenal oleh dunia luar hanya di dalam lingkungan alam Melayu sahaja hal ini tidaklah menjadi soal. Tetapi orang-orang Inggeris telah mulai kenal kebudayaan Melayu semenjak tahun M. 1602 iaitu surat Raja Aceh yang membenarkan berniaga di dalam negerinya.

Jawi Peranakan julung-julung suratkhbar Melayu yang keluar di Singapura telah pun menjadi tontonan orang-orang di bandar Chicago pada tahun M. 1893 apabila penuntut-penuntut melawat kutubkhanah di sana.

### Bahasa Melayu Kaya

Tiadalah “mengada-adakan yang tiada” jika dikatakan bahasa Melayu itu kaya semenjak dahulu lagi iaitu pada zaman kebesaran dan kedaulatan Melayu bersemarak di alam Melayu yang luasnya beribu-ribu batu di sekotah lautan teduh (lautan Pasifik) hingga ke hari ini sungguhpun pada masa pada masa ini sudah banyak pelatnya, perubahan ini ialah oleh legaran waktu yang terpaksa berubah sedangkan pelat sesuatu daerah kecil sahaja pun biasa kejadian.

Kekayaan atau perbendaharaan bahasa Melayu itu dibahagikan seperti di bawah ini:

Kerajaan Melayu zaman dahulu dapat memerintah negaranya dengan bahasa sendiri walaupun cara pemerintahan autokrasi.

(1) Bahasa-bahasa pegawai kerajaan siap lengkap tiada kurang jika dibandingkan dengan sekarang:

Raja, adiraja adikara, apeduta, utusan, bendahari, temenggung, dato', seriwakraja.

(2) Pegawai peperangan: imam perang, tentera, lasykar, panglima, pahlawan, laksamana.

(3) Alatan peperangan: terkul, rentaka, pemuras, lela, meriam.

(4) Senjata peperangan: belantan, tubil, tombak, cokmar, campak buang, seligi, lembing.

(5) Pelindung atau penangkis: apilan, utar-utar, taming, perisai, madat.

(6) Kenderaan laut: balok, batel (batel) banting, bedar, biduk, telantam, top, jalur, jong

dandang, rambai, sagur, salur, pair, penjajap,  
penanggahan, pelang, ketopong, kelulus, lading,  
lancaran, nadir, demikianlah sedikir daripada contohnya.

Kekayaan bahasa Melayu bukan setakat itu sahaja atau sekadar yang telah tertulis di buku-buku tua sahaja bahkan berupaya jua ia memadankan dengan bahasa-bahasa Inggeris yang tinggi: adikara (*dictatorship*), apeduta (*ambassador*), biyawan (*custom*), tempatan (*local*), timbalan (*deputy*) jurucakap (*speaker*), jinjang tentera (*at ease*), dewan bandaraya (*town hall*), pebiyaan (*custom office*) persuratan (*literature*), peguam (*lawyer*), warga negara (*citizenship*), wakil (*agent*). Sekianlah sebagai contoh bangsa Melayu ada mempunyai kebudayaan yang tersendiri yang dapat dikemukakan dan dimegahkan ke dunia luar tidak semata-mata di alamnya sahaja dan tidak berpusu-pusu setempat sahaja. Istimewa bukanlah “jiwanya” hidup di atas tebu berlingkar dan berteduh di bawah pisang goyangan sahaja.

Oleh kerana perbendaharaannya kaya dengan serba neka bahasa yang demikian dari beberapa lama sudah bahasa Melayu telah boleh dibuat kamus oleh orang-orang Barat dan anak-anak Melayu sendiri baik pun kamus *English Malay Dictionary*, *Malay English Dictionary* dan kamus Arab Melayu dan Melayu Arab: sekalian isi-isinya dapat disesuaikan dengan bahasa asing dan dapat memuaskan pembacaan-pembacaan dari segala bangsa. Kamus bahasa Perancis dengan bahasa Melayu yang tersebut di atas itu diberi ertinya dengan huruf “jawi dan rumi” dari buku-buku kamus itu nyatalah bahasa Melayu telah dapat sambutan yang istimewa dari bangsa-bangsa Barat walau pun pada masa itu Cuma sebagai bahasa perantaraan sahaja – bahasa perantaraan bukannya bahasa rendah. Sebenarnya dengan dia terkenal “kebudayaan kesenian dan matabenda” kepada sekotah alam Eropah betapa tinggi dan luasnya

bahasa Melayu.

Sesungguhnya amat rugi dan kecewa barangsiapa yang mengatakan bahasa Melayu itu miskin. Kepada mereka yang tersebut saya arahkan cubalah tilik dan pandang kepada masa yang silam iaitu pada masa bangsa Melayu belum lagi pernah mendengar kolej dan universiti pada masa itu telah ada bertimbun-timbun buku syair dan hikayat. Hanya sayang sekalian buku-buku itu tiada bertarikh dan tiada bernama pengarang dan negaranya. Buku-buku itu: seperti Juragan Budiman, Syair Johan Maligan, Syair Harith Fadilah, Syair Dandan Setia, Syair Siti Zubaidah. Hikayatnya pula: Maharaja Bustamam, Raja Khandak, Ganja Mara, Gal Bakawali, Hikayat Mara Karma dan lain-lain. Saya percaya meskipun di antara sekalian buku-buku itu disalin dari bahasa asing (Sanskrit, Parsi dan Hindustan) akan tetapi sekalian buku-buku itu menjadi dalil besar ada pun bangsa Melayu ini suatu bangsa yang berjiwa tinggi dan telah lama mempunyai “falsafah kesusasteraan”.

Selain daripada yang di atas, bahasa Melayu sanggup pula menterjemahkan bahasa Arab yang berharuf dan bernahu itu bahkan *kalām Allāh (Qur’an al-‘azīm)* yang Maha Tinggi itu pun telah ada diterjemahkan ke bahasa Melayu pada masa ¼ kurun dahulu iaitu kitab Tafsīr al-Bayḍawī.

Cara hendak mengayakan lagi bahasa Melayu itu sewajibnya orang-orang yang berupaya dan yang berkemahuan tinggi menyelongkari buku-buku yang telah didaftarkan di atas dan beratus-ratus buah buku lagi yang tiada disebutkan namanya di sini tentu kelak bertemu pada tiap-tiap lembar buku itu beribu-ribu mutiara yang tiada berkalung. Selain daripada itu boleh juga didapati bahasa-bahasa itu dari mulut orang tua-tua di mana-mana sahaja tatkala bahasa-bahasa dari mereka itu belum bercampur dengan rempah ratus kacukan lagi, sanya mereka itulah sebagai “pengantar bahasa” kepada

anak-anak cucunya walau ada di antara orang-orang peringkat baharu ini mencemikkan bahasa itu bahasa kuno padahal itulah dia bahasa ibu pertiwinya.

Sekiranya perkataan daripada buku-buku dan daripada mulut orang tua-tua itu dapat diertikan, baik pun dengan erti loghat baik pun dengan erti istilah, sanya pada waktu itu ketaralah betapa kayanya bahasa Melayu. Adapun perkataan yang berikut ini semuanya telah lama tersulam di buku-buku atau syair-syair yang baharu lalu – yang telah saya salinkan ke dalam buku bahasa Sanskrit. Inshā' Allāh akan diperbesarkan lagi perkataan-perkataan itu ialah:

Atma, asma, agar, andai, diraja (diraja),  
duta, para, pertiwi, langkara dan lain-lain.

Dalam pada itu pun kayanya tentu sekali tiada meliputi bahasa-bahasa itu dengan kehendak zaman ini zaman perubahan yang bergerak dengan pantas iaitu zaman yang telah memberi perasaan kepada bangsa kita dengan serta-merta supaya bersaing dan berlumba-lumba ke alam baharu bersama-sama dengan bangsa-bangsa lain tatkala itu wajiblah direka “bahasa baharu” sebagaimana telah direka perkataan-perkataan ini:

Berbaris, tetuang, udara, jurutera, jurutulis,  
sukan, silangkata, pertubuhan, pengadil, kawat, kawat  
udara dan seterusnya.

Tiada sayugianya terburu-buru memakai bahasa orang selagi dapat dibentuk atau direka sendiri kerana meniru itu suatu kelemahan bukannya sifat budiman.

Sekarang beralih saya kepada memberi penerangan tentang pelat – disalin daripada kamu lidah Melayu tenggara Asia yang telah siap saya susun pada bulan November 1954 hampir-hampir 8 ribu perkataan cuma menunggu masa akan dicetak.

Iaitu tentang erti keturunan. Keturunan itu ertinya asal-usul, punca kedatangan, pokok perkataan ini dari “turun” maknanya datang dari tempat yang tinggi (bukit

gunung) ke tempat yang rendah atau dari tanah besar (benua) ke pulau-pulau tenggara Asia.

Keturunan bangsa Melayu telah difikirkan oleh ahli-ahli sejarah rumpunannya dari tanah besar asia. Dalilnya ada saksinya cukup iaitu dari tutur kata atau bunyi bahasa bangsa-bangsa Melayu yang di sekitar tenggar Asia atau alam Melayu.

Perbandingan bahasa:

Padi: Bali, Madura (padi), Jawa (pari)  
Sunda, Makassar, (PARE), Aceh (PADE), Dayak  
(parai); pada lain-lain pulau pula seperti Buru,  
Timur, Roti, Sabu, Siram dan Nias ada yang  
pada permulaan kalimah padi itu disebut “pa”  
tetapi pada akhirnya dibunyikan lain ada pula di awal kalimah  
padi itu disebut lain pada hal di akhirnya dibunyikan  
de. re. rai. lai. le. dan ne.

2. Timah: Bisaya, Tagalog (tingga), Makassar  
(tibira).

3. Jambu: Bugis (jampu), Tagalog (dampu)

4. Sendi: Bugis, Tagalog (sending), Dayak  
(sendik).

5. Keris: Bisaya, Tagalog (kalis), Makassar  
(kuris)

6. Gajah: Bisaya (gedia), Tagalog (gadia)  
Makassar (gaja).

7. Merpati: Bisaya (salapati), Tagalog (palapati)

Di sini ketahuilah kita dari 5 pulau atau negeri yang  
tersebut didapati bahasanya hampir sama dan serupa belaka  
jika dibuka peta kelihatan jaraknya beribu-ribu batu.

8. Persamaan bahasa tanah besar asia (Kuantong atau  
Yunan) bangsa ini lebih kurang seratus tahun yang lalu  
hingga ke hari ini masih ada di kampung saya Matang Road,  
Taiping, dengan bahasa Melayu: Satu (sa) dua (tua),  
empat (pak), lima (ma), enam (nan), tujuh (juh), lapan

(pan) sepuluh (puluh).

9. Anak (nak), itam (tan), ikan (kan), timun (mun) putih (tih), pinang (nang), kayu (yuh), habis (pis) dan hang (ha). Sekadar inilah sahaja ditunjukkan ringkasnya kepelatan bahasa Melayu sebagai cermin kepada pembaca-pembaca.

Mengayakan bahasa itu bukannya kehendak bangsa dan manusia sahaja akan tetapi dituntut oleh alam yang maha lebar ini supaya manusia antara manusia dapat berkenal-kenalan dan membuat perhubungan dengan sama-sama jenisnya. Yang demikian berapa ramai ahli ketimuran dan Barat telah berusaha dengan tekunnya menyelidiki bahasa Timur dan mendewankannya. Dalam majalah Demokrat jilid 2 bilangan 12 di kutubkhanah

Washington telah terkumpul buku benua Asia sejumlah 750 jilid dalam sebanyak itu dapatlah ditentukan tidak ketinggalan buku-buku tua yang menjadi pusaka negara berhubung dengan bahasa, Tuhan telah firmankan di dalam Quran pada surah al-Rūm 22 Melayunya: Dan di antara keterangan-Nya (Allah) juga ialah kejadian langit dan bumi yang maha hebat dan bermacam-macam bahasa kamu dan warna kulitmu.

Dari rangkai kata “bermacam-macam bahasa kamu dan warna kulitmu” itu telah tetap sekali termasuk bangsa dan bahasa Melayu. Begitulah pentingnya bahasa sehingga tertera di dalam Quran imam kita. Dari ayat ini dapatlah kita mengambil keputusan supaya manusia meutamakan bahasanya.

-Bersambung.

TELEPHONE 161  
تليفون 161

Pelajaran Arab  
Pelajaran Agama  
Pelajaran Inggeris

**Belajarlah dengan Pos**

pelajaran agama	sebulan	\$3.00
pelajaran Arab	sebulan	\$3.00
pelajaran Inggeris	sebulan	\$3.00

pelajaran dengan pos tiap-tiap minggu  
penuntut-penuntut baharu diterma  
kirim wang terus kepada:-

tak payah kalau pergi sekolah  
tuan boleh belajar di rumah sahaja

**YAHYA ARIFF 37 JALAN KANGSAR  
KUALA KANGSAR**